

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

5. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah rancangan bagi membangunkan tanah-tanah paya yang terbiar untuk industri pertanian.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Bagi Kerajaan Negeri, tanah paya adalah penting untuk melindungi ekosistem dan merupakan *Blue Carbon Storage* yang mampu menyimpan sehingga 85% kandungan karbon, menyerap air banjir dan membersihkan sungai dari bahan racun dari pertanian. Bagi tujuan perancangan untuk membangunkan kawasan paya terbiar, pihak Jabatan Pertanian Negeri tidak mempunyai perancangan bagi tujuan ini khasnya di bawah peruntukan pembangunan negeri. Walaupun begitu, sebagai contoh pengusaha industri asas tani dapat mengeluarkan hasilan berdasarkan pokok nipah (*Nypa fruticans*) seperti nira nipah dan layak dibantu di bawah Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan.